

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7

Akta Omnibus akan digubal tahun ini

Akta Omnibus akan digubal tahun ini

PUTRAJAYA - Akta Omnibus dijangka digubal pada tahun ini bagi membenarkan perkongsian data dan penyimpanan awan dalam kalangan agensi kerajaan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron.

Beliau berkata, pelaksanaan integrasi data dari pada setiap agensi kerajaan perlu disokong melalui punca kuasa perundungan perkongsian data yang kukuh dan mampan.

Menurutnya, setiap pangkalan data tertakluk kepada peraturan dan akta yang berkaitan menyebabkan kesukaran dalam perkongsian data antara agensi.

"Sebahagian pangkalan data yang sedia ada pula lebih bersifat silo dan *non-interoperable* antara satu sama lain.

"Keadaan ini menyulitkan perkongsian dan pengintegrasian data serta menyebabkan proses penyelaras data Pangkalan Data Utama (PADU) mengambil masa yang panjang," katanya dalam ucapan pembukaan sempena Majlis Peluncuran Padu di sini pada Selasa.

Bagi menangani cabaran tersebut, Nor Azmie berkata,

sesi libat urus yang berterusan di pelbagai peringkat termasuk oleh Menterinya, Rafizi Ramli dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali telah diadakan.

"Memorandum persefahaman turut diadakan bersama agensi berkaitan bagi membolehkan perkongsian data.

"Risiko keselamatan dan kebocoran maklumat juga sering dibangkitkan pelbagai pihak. Oleh itu, aspek keselamatan data dan siber turut diberi perhatian serius melalui pengukuhan pembangunan sistem serta kerjasama strategik dengan semua pihak yang berkaitan," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, pembangunan PADU akan melalui beberapa fasa yang turut melibatkan pengumpulan data pentadbiran bagi pembangunan tertumpu kepada kementerian dan agensi kerajaan Persekutuan pada fasa pertama.

Setakat ini katanya, sebahagian besar agensi di peringkat persekutuan bersetuju untuk membekalkan data termasuk Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Tenaga Nasional Bhd. - Bernama

